



اوتيورسيتي مليسيا قهغ السلطان عبد الله  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH

Jabatan Pendaftar  
Registry

Canseleri Tun Abdul Razak  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah  
26600 Pekan  
Pahang Darul Makmur

Tel.: + 609 431 5033  
Faks: + 609 431 5555  
Laman Web: www.umpsa.edu.my

Ruj. Kami : UMPSA.100-1/3/1 ( 1 )  
Tarikh : 15 Februari 2024

### Senarai edaran seperti lampiran

YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan

### EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMPSA BIL. 1 TAHUN 2024 MENGENAI BAYARAN INSENTIF AWAL KAJIAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2024

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMPSA Bil. 1 Tahun 2024 mengenai Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Tahun 2024 untuk makluman YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan.

3. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, sila hubungi Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar:

- i) Puan Siti Sakinah Binti Mohtar (Eksekutif Kanan)  
Tel : 09- 431 6354  
Emel : ssakinah@umpsa.edu.my

4. Kerjasama pihak YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan di dalam perkara ini sangatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

*"Teknologi Untuk Masyarakat"*

Saya yang menjalankan amanah,

(HELMI BIN MOHAMED ISA)

Pengurus

Bahagian Pengurusan Governan

Jabatan Pendaftar

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

KEJURUTERAAN · TEKNOLOGI · KREATIVITI



اوتورسوتي ماليسيا فوهج السلطان عبد الله  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH

## PEKELILING PENTADBIRAN UMPSA BIL. 1 TAHUN 2024

### BAYARAN INSENTIF AWAL KAJIAN SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2024

#### TUJUAN

- 1.0 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan melaksanakan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk menerima pakai Surat Edaran kerajaan berkenaan Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Tahun 2024 kepada staf Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

#### LATAR BELAKANG

- 2.0 Kerajaan telah memutuskan supaya Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Tahun 2024 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan turut dipanjangkan kepada pesara kerajaan yang menerima pensen serta staf lantikan *Contract for Service* yang disetarakan.
- 3.0 Mesyuarat LPU Bil. 4/2019 yang telah diadakan pada 24 November 2019, telah bersetuju bahawa semua keputusan berkenaan pembayaran bonus dan Bantuan Khas Kewangan oleh kerajaan boleh digunapakai dan pembayaran hendaklah dibuat mengikut masa yang ditetapkan.

#### PELAKSANAAN

- 4.0 Pegawai yang layak

- 4.1 Pegawai UMPSA Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 23 Februari 2024 sebanyak RM2,000.00;
- 4.2 Pegawai UMPSA gred Jawatan Utama/ Khas (termasuk yang sedang memangku/ penempatan khas) yang masih berkhidmat pada 23 Februari 2024 sebanyak RM1,000.00;
- 4.3 Pegawai UMPSA yang layak tersebut merupakan:
  - 4.3.1 Pegawai lantikan tetap, sementara dan *Contract of Service*;
  - 4.3.2 Pegawai yang bercuti bergaji penuh;
  - 4.3.3 Pegawai yang bercuti separuh gaji;
  - 4.3.4 Pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
  - 4.3.5 Pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai; dan
  - 4.3.6 Pegawai yang meninggal dunia pada 23 Februari 2024.
- 5.0 Pembayaran ini turut dipanjangkan kepada:
  - 5.1 Pesara Kerajaan yang dilantik semula secara lantikan tetap, sementara serta COS yang masih berkhidmat pada 23 Februari 2024 layak dibayar sebanyak RM2,000.00. Walau bagaimanapun pembayaran dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)/ Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) sebanyak RM1,000.00 dan baki sebanyak RM1,000.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat;
- 6.0 Pembayaran kepada pegawai lantikan *Contract for Service*:
  - 6.1 Pegawai lantikan *Contract for Service* (CFS) yang disetarakan pada gred 56 dan ke bawah dengan syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya enam (6) bulan dan masih berkhidmat pada 23 Februari 2024 layak untuk menerima sebanyak RM2,000.00;
  - 6.2 Pegawai *Contract for Service* (CFS) yang disetarakan pada gred Jawatan Utama/ Khas (termasuk yang sedang memangku/ penempatan khas) dengan syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya enam (6) bulan dan masih berkhidmat pada 23 Februari 2024 layak untuk menerima sebanyak RM1,000.00;

- 6.3 Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Tahun 2024 kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) serta lantikan *Contract for Service* yang disetarakan di bawah tanggungan belanja mengurus akan dibayar menggunakan belanja mengurus UMPSA;
- 6.4 Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Tahun 2024 kepada PSH serta lantikan *Contract for Service* yang disetarakan di bawah tanggungan **tabung amanah jabatan** akan dibayar menggunakan Tabung Amanah jabatan tertakluk kepada kelulusan Pengerusi Tabung Amanah Jabatan;
- 6.4.1 Bagi tujuan pembayaran, jabatan terlibat perlu mengembalikan borang arahan bayaran sebagaimana di Lampiran 1 kepada Unit Perkhidmatan dan Saraan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar sebelum atau pada **26 Februari 2024**. Borang arahan bayaran Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Tahun 2024 yang diterima selepas tarikh tersebut, bayaran akan dilakukan kepada individu menerusi pembayaran gaji Mac 2024 iaitu pada 8 April 2024;
- 6.5 Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Tahun 2024 bagi PSH serta lantikan *Contract for Service* akan dilakukan menerusi bayaran gaji Februari 2024 iaitu pada 8 Mac 2024.

## 7.0 Pesara

- 7.1 Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Tahun 2024 kepada pesara kerajaan yang memilih skim pencen dan penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen serta pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara daripada perkhidmatan awam apabila mencapai opsyen umur persaraan pada atau sebelum 23 Februari 2024 akan dibayar sebanyak RM1,000.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) manakala bagi veteran berpencen dan tidak berpencen oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV); dan
- 7.2 Pesara yang dilantik semula secara *Contract of Service* dan masih berkhidmat pada 23 Februari 2024 layak diberi Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Tahun 2024 sebanyak RM2,000.00. Pembayaran

sebanyak RM1,000.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam /Jabatan Hal Ehwal Veteren dan bakinya sebanyak RM1,000.00 akan dibayar oleh Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah;

8.0 Pegawai meninggal dunia dalam perkhidmatan

8.1 Pegawai universiti yang meninggal dunia pada 23 Februari 2024 layak diberi Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Tahun 2024 sebanyak RM2,000.00. Pembayaran sebanyak RM2,000.00 ini akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

9.0 Pegawai yang tidak layak

9.1 Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam mulai 23 Februari 2024;

9.2 Pegawai yang meletak jawatan dalam berkuat kuasa mulai 23 Februari 2024; dan

9.3 Pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan.

## TARIKH PEMBAYARAN

10.0 Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Tahun 2024 bagi staf lantikan tetap dan *contract of service* (COS) di UMPSA akan dilakukan pada 23 Februari 2024 dan merupakan tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran;

11.0 Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Tahun 2024 bagi PSH dan *contract for service* (CFS) di UMPSA akan dilakukan pada 8 Mac 2024.

## **TARIKH KUAT KUASA**

12.0 Pekeliling Pentadbiran UMPSA Bilangan 1 Tahun 2024 ini berkuat kuasa dari tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

*"Teknologi Untuk Masyarakat"*

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATO' SAIFUL BAHRI BIN AHMAD BAKARIM)**

Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Tarikh : 15 Februari 2024



اونيورسيتي ملوسيا فوهج السلطان عبد الله  
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**  
**AL-SULTAN ABDULLAH**

**BORANG AKUAN BAYARAN INSENTIF AWAL KAJIAN SISTEM SARAAAN  
 PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2024  
 PEKERJA SAMBILAN HARIAN DAN WARGA KERJA LANTIKAN *CONTRACT FOR SERVICE* DI BAWAH TABUNG AMANAH JABATAN**

Selaku Ketua Jabatan di \_\_\_\_\_ (nama jabatan), saya \_\_\_\_\_ (nama Ketua Jabatan) memperaku bahawa Tabung Amanah jabatan mempunyai baki mencukupi dan bersetuju untuk membuat pembayaran Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Tahun 2024 bagi Pekerja Sambilan Harian (PSH) dan warga kerja di bawah lantikan *Contract for Service* seramai \_\_\_\_\_ (bilangan warga kerja) orang sebagaimana perincian di bawah:

Bil	Nama	ID Pekerja	Jawatan/Gred

*Nota: Sekiranya ruangan di jadual tidak mencukupi, sila lampirkan bersama lampiran tambahan.*

Tandatangan Pengerusi Tabung Amanah : .....

Cop Rasmi Pengerusi Tabung Amanah : .....

Fakulti/Jabatan : .....

Tarikh : .....

## SENARAI EDARAN

1. **YH. Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Bin Zainuddin**  
Naib Canselor / Ketua Pegawai Eksekutif
2. **YBhg. Profesor Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi Bin Zamli**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Mohd Rusllim bin Mohamed**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
5. **YH Dato' Saiful Bahri Bin Ahmad Bakarim**  
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
6. **YH Dato' Zainudin Bin Othman**  
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
7. **Cik Kamariah Binti Gono**  
Ketua Pustakawan
8. **Puan Marlina Binti Mamat**  
Penasihat Undang-Undang
9. **Semua Penolong Naib Canselor**
10. **Semua Dekan Fakulti/ Pusat/ Institut**
11. **Ketua Pegawai Maklumat**
12. **Ketua Pejabat Naib Canselor**
13. **Semua Pengurus Besar/ Pengurus Kanan**
14. **Semua Pengarah Kanan**
15. **Semua Pengarah Pusat/ Pusat Kecemerlangan/ Bahagian/ Unit**
16. **Semua Ketua Pusat Perkhidmatan/ Unit**
17. **Semua Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Eksekutif Anak Syarikat UMPSA**